

16 JUN 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN KE ICELAND

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Iceland Olafur Grimsson sempena hari kebangsaan negara itu hari ini. (17 Jun)

Sultan Salahuddin dalam perutusannya menyatakan harapan yang rakyat negara itu akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran, menurut kenyataan daripada Wisma Putra hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya David Oddsson berkata, beliau yakin yang hubungan mesra sedia ada antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan pada masa depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menghantar perutusan lebih kurang sama kepada rakan sejawatnya Halldor Asgrimsson.

-- BERNAMA

MHI PR